

Headline	Maybank optimis perbankan Internet
MediaTitle	Utusan Malaysia
Date	15 Sep 2015
Language	Malay
Section	Ekonomi
Color	Full Color
Page No	19



Maybank optimis perbankan Internet

Oleh NABIL BASARUDDIN
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 14 SEPT.

MALAYAN Banking Bhd. (Maybank), optimis segmen perbankan dalam taliannya akan meningkat sebanyak 25 peratus pada tahun ini seiring peningkatan penggunaan Internet dalam kalanngan rakyat negara ini.

Ketua Perkhidmatan Kewangan Komuniti Maybank, Hamirullah Boorhan berkata, sehingga Ogos lalu transaksi kewangan yang dilakukan melalui aplikasi Maybank2u (M2U) melibatkan jumlah sebanyak RM148 bilion dan ini merupakan perkembangan yang begitu memberangsangkan.

Menurut beliau, dengan pertambahan sebanyak 20 peratus pengguna Internet, ia akan melengkapkan lagi bilangan pengguna perbankan Internet pada masa akan datang di samping pengguna telefon pintar yang mencecah 10 juta pengguna setakat ini.

Katanya, bagi transaksi yang melibatkan perpindahan wang secara

dalam talian untuk Maybank ke institusi kewangan yang lain, sebanyak RM40 bilion direkodkan pada tahun lalu.

"Berdasarkan dunia teknologi yang semakin berkembang ini, Maybank begitu yakin untuk mencapai pertambahan penggunaan perbankan dalam talian sebanyak 25 peratus kerana ia memberikan lebih kemudahan dan keselesaan kepada orang ramai," katanya ketika ditemui pem-

berita selepas majlis pelancaran aplikasi *Snap & Donate* di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Bahagian Perbankan Maya dan Pembayaran Maybank, Kalyani Balakrishnan Nair.

Aplikasi *Snap & Donate* merupakan inisiatif yang dilakukan oleh Maybank dalam membantu pelanggannya untuk menyumbang kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat seperti Islamic Relief, Mercy Malaysia, MAA Medicare dan

Institut Kajian Kanser melalui aplikasi tersebut dengan pantas.

Mengulas mengenai majlis berkenaan, Hamirullah berkata, sebagai pemain utama dalam teknologi perbankan, Maybank sentiasa berusaha untuk memberikan kembali yang terbaik kepada pelanggannya melalui pelbagai kemudahan yang berdaya saing.

"Malah, sebagai negara yang mempunyai populasi pengguna telefon pintar yang begitu banyak, usaha yang dilakukan ini akan menjadi lebih baik seiring dengan peredaran teknologi dan juga kehendak masyarakat pada masa kini," jelasnya.

Pada 2013, sebanyak 15,000 sumbang dan derma berjumlah RM1.5 juta menerusi M2U telah disalurkan kepada NGO terlibat dan pada tahun lalu sebanyak 40 peratus peningkatan sumbangan dalam talian telah dicatatkan.



HAMIRULLAH BOORHAN (kiri) dan Kalyani Balakrishnan Nair menunjukkan aplikasi digital *Snap & Donate* di Menara Maybank, Kuala Lumpur, semalam.
- UTUSAN/AZLAN HADI ABU BAKAR